

16 OCT 2003

Zainuddin-OIC

MEDIA AMERIKA BOIKOT BERITA OIC, KATA ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Media Amerika Syarikat, yang selama ini mendakwa sebagai sumber maklumat yang adil, sepatutnya merasa malu kerana tidak menyiarkan sebarang berita mengenai sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Malaysia, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Katanya walaupun persidangan peringkat pegawai dan menteri luar OIC telah berlangsung selama dua hari, dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula telah membuat ucapan penting pada forum ekonomi persidangan itu, tetapi tidak sebaris ayat pun disiarkan oleh akhbar International Herald Tribune.

Sebaliknya, akhbar berkenaan hanya menyiarkan gambar keselamatan yang ketat di hadapan dewan persidangan di Putrajaya, katanya dalam satu kenyataan kepada Bernama hari ini.

"Adalah mengejutkan, kerana media Amerika telah memboikot berita-berita mengenai persidangan OIC yang mewakili 57 buah negara Islam dan 1.3 bilion penduduk Islam," kata Zainuddin.

Beliau berkata ini adalah bukti yang jelas tentang dasar sebenar media Amerika di sebalik suara kebebasan dan demokrasi media yang selalu mereka laungkan.

"Media Amerika takut untuk memberikan gambaran dan realiti sebenarnya tentang persidangan ini," katanya.

Beliau berkata realiti yang tentunya sangat menakutkan mereka sendiri ialah kehadiran Presiden Rusia Vladimir Putin pada persidangan di sini bagi berada bersama-sama dengan negara Islam ketika Presiden Amerika George W.Bush dianggap sebagai musuh negara-negara Islam.

Zainuddin berkata sekiranya Putin menemui Bush di Amerika Syarikat, itu mungkin suatu berita yang besar bagi media Amerika Syarikat tetapi jika pemimpin Rusia itu menemui pemimpin-pemimpin dunia Islam terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu mereka anggap tidak ada nilai berita.

-- BERNAMA

SSA SSA MAI